

SISTEM TEST BANK

OLEH

MOHAMMAD ZAM BIN JARKONI
WET990140

PENYELIA

CIK SITI HAFIZAH BT ABDUL JAMID

PENYELARAS

PUAN SRI DEVI

Laporan ini disediakan untuk Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, sebagai memenuhi sebahagian dari keperluan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat Dengan Kepujian, sesi 2001 / 2002.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi syarat bagi kursus WXET 3181 (Latihan Ilmiah I) di mana pelajar yang mengambil kursus ini dikehendaki menyiapkan satu kertas kerja bagi projek yang akan dibangunkan untuk WXET 3182 (Latihan Ilmiah II). Untuk tujuan itu saya telah memilih untuk menyiapkan satu cadangan kertas kerja bagi sistem Test Bank iaitu sistem untuk penyimpanan soalan-soalan peperiksaan bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

Sistem ini merupakan sistem berasaskan web dan berfungsi secara atas talian. Pengguna perlu memasukkan login id dan katalaluan bagi mendapat capaian ke dalam sistem. Ini dilakukan bagi memastikan keselamatan data dan keutuhan sistem tidak terjejas.

Memandangkan Test Bank ini merupakan satu sistem baru, maka pelaksanaannya mungkin memerlukan usaha yang berterusan bagi memastikan ianya menepati kehendak. Bagi membangunkan sistem ini, beberapa perisian yang sesuai telah dikenalpasti untuk digunakan dan diharap ianya akan mendatangkan hasil sebagaimana yang diharapkan.

ABSTRACT

This study is provided for the WXET3181 course (Latihan Ilmiah I) where final year student of this faculty is needed to prepare their proposal to be implemented in WXET3182 course (Latihan Ilmiah II). For that purpose, i choose to propose a Test Bank System that can functioned like bank of examination questions for courses that offered by Faculty of Science Computer and Information Technology, Universiti Malaya.

This system is web based system and can be accessed through internet. User is needed to enter their login id and password to get access to this system. It is done to prevent loss data and integrity of the system.

For the new system, the continuous work is needed to make it successfull. For the development tools, some softwares will be used and i hope this system could get it goal.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur saya kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat melengkapkan latihan ilmiah ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Ribuan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini, **Cik Siti Hafizah bt Abdul Hamid** yang banyak memberikan panduan serta sokongan dalam memandu arah prosedur-prosedur bagi menyiapkan laporan latihan ilmiah ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada moderator, **Puan Sri Devi** di atas kerjasama yang baik serta cadangan-cadangan yang bernas bagi meningkatkan kualiti sistem yang bakal disediakan.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kedua ibubapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi. Turut tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan dalam menyumbangkan idea-idea bernas. Tidak lupa juga teman-teman serumah yang amat memahami akan kesibukan diri ini disamping memberikan sokongan moral.

Akhir kata, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada individu-individu yang turut membantu saya secara langsung atau tidak langsung semasa saya menyiapkan projek latihan ilmiah ini. Maaf dipohon andai ada yang tersinggung.

Sekian, terima kasih.

Mohammad Zam b. Jarkoni

WET990140

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan	Mukasurat
Abstrak	i
Abstract	ii
Penghargaan	iii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual & Gambarajah	viii
Bab 1 : Pengenalan Projek	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Rasional Sistem	2
1.3 Objektif Sistem	3
1.3.1 Objektif Akademik	3
1.4 Skop Sistem	4
1.5 Sasaran Pengguna	5
1.6 Ciri-Ciri Sistem	5
1.7 Perancangan Pembangunan Sistem	6
1.8 Hasil Akhir Yang Dijangkakan	9
1.9 Organisasi Bab	9
Bab 2 : Kajian Perpustakaan	
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Kelebihan Menggunakan Sistem Maklumat	12
2.3 Definisi Sistem	13

2.3.1	Pengenalan Kepada Sistem	13
2.3.1	Maklumat	29
2.3.2	Sistem Maklumat Berasaskan Web	15
2.4	Sintesis	16
2.5	Isu–Isu Yang Berkaitan Dengan Sistem	34
	Maklumat	17
2.5.1	Kepintaran Buatan Dan Sistem Pakar	17
2.5.1.1	Pengenalan Kepintaran Buatan	17
2.5.1.2	Pengenalan Sistem Pakar	17
2.5.2	Konsep Interaktif	18
2.6	Kajian Terhadap Beberapa Sistem Maklumat	19
2.7	Rumusan	20

Bab 3 Metodologi Dan Analisis Sistem

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Metodologi Pembangunan Sistem	22
3.2.1	Kelebihan Dan Kekurangan Metodologi Yang Dipilih	24
3.2.2	Fasa Dalam Analisis Sistem	25
3.3	Senario Semasa	26
3.4	Teknik Analisis Dan Pencarian Fakta	27
3.4.1	Temuramah	27
3.4.2	Perbincangan Dengan Penyelaras	28
3.5	Ulasan Analisis	29

3.6	Analisis Keperluan Sistem	29
Bab 3 : Analisis Keperluan Sistem	3.6.1 Definisi	29
	3.6.2 Keperluan Fungsian	30
	3.6.3 Keperluan Bukan Fungsian	33
3.7	Kajian Keperluan Perisian Dan Perkakasan	34
	3.7.1 Pertimbangan Perisian Pembangunan	34
	3.7.2 Pertimbangan Pembangunan Pangkalan Data	36
Bab 4 : Rekabentuk Sistem	3.8 Keperluan Spesifikasi	37
	3.8.1 Semasa Proses Pembangunan Sistem	37
	3.8.2 Semasa Masa Larian Sistem	38
Bab 4 : Rekabentuk Sistem		
4.1	Pengenalan	39
4.2	Model Sistem	40
	4.2.1 Carta Struktur Sistem	40
	4.2.2 Carta Struktur Pentadbir	41
	4.2.3 Carta Struktur Pensyarah	42
	4.2.4 Carta Struktur Pelajar	43
	4.2.5 Gambarajah Konteks	44
	4.2.6 Gambarajah Aliran Data	44
	4.2.7 Rekabentuk Keseluruhan	46
	4.2.8 Penerangan Fungsi	47
4.3	Kamus Data Sistem Test Bank	51
4.4	Cadangan Antaramuka Sistem Test Bank	53
	4.4.1 Antaramuka Muka Hadapan	55
	4.4.2 Antaramuka Selain Muka Hadapan	56

Bab 5 : Implementasi Dan Pengaturcaraan

5.1	Pendahuluan	57
5.2	Faktor-Faktor Yang Berkaitan	57
5.3	Keperluan Peralatan Dan Perisian	58
5.4	Pelaksanaan Proses Pengaturcaraan	59

Bab 6 : Pengujian Dan Penilaian Sistem

6.1	Pengenalan	71
6.2	Peringkat Pengujian	71
6.2.1	Pengujian Unit	72
6.2.2	Pengujian Modul	73
6.2.3	Pengujian Integrasi	73
6.2.4	Pengujian Sistem	73
6.3	Peringkat Penilaian	75
6.3.1	Kelebihan Sistem	75
6.3.2	Keterbatasan Sistem	76

Bab 7 - Masalah, Cadangan Dan Kesimpulan

7.1	Masalah Dan Penyelesaiannya	77
7.2	Cadangan	79
7.3	Pengajaran Yang Diperolehi	80
7.4	Kesimpulan	82

Rujukan	83
----------------	-----------

Lampiran	85
-----------------	-----------

SENARAI JADUAL DAN GAMBARAJAH

Jadual 1.1	Aktiviti Setiap Fasa Pembangunan	7
Jadual 1.2	Jadual Pembangunan Sistem	8
Rajah 2.1	Proses Perubahan Data Kepada Maklumat	14
Rajah 3.1	Model Air Terjun dengan Prototaip	23
Rajah 4.1	Carta Struktur Sistem	40
Rajah 4.2	Carta Struktur Pentadbir	41
Rajah 4.3	Carta Struktur Pensyarah	42
Rajah 4.4	Carta Struktur Pelajar	43
Rajah 4.5	Gambarajah Konteks Sistem Test Bank	44
Rajah 4.6	Gambarajah Aliran Data Sistem Test Bank	45
Jadual 4.1	Rekabentuk Keseluruhan	46
Jadual 4.2	Pangkalan Data Pengguna	51
Jadual 4.3	Pangkalan Data Muka Hadapan Soalan	52
Jadual 4.4	Pangkalan Data Bahagian	53
Jadual 4.5	Pangkalan Data Soalan	53
Jadual 4.6	Pangkalan Data Pecahan Soalan	54
Jadual 4.7	Pangkalan Data Permintaan	54
Jadual 5.1	Keperluan Perisian	58
Jadual 5.2	Keperluan Perkakasan	58

1. PENDAHULUAN

BAB 1

PENGENALAN PROJEK

1.2 RASIONAL SISTEM

BAB 1 : PENGENALAN PROJEK**1.1 PENDAHULUAN**

Kepesatan perkembangan maklumat dengan sokongan era siber telah membolehkan capaian maklumat dilakukan tanpa halangan geografi. Kini, jumlah pengguna yang mencapai maklumat kian bertambah dari semasa ke semasa dan akan terus meningkat sejajar dengan peredaran masa.

Sistem Test Bank (E-Fakulti) merupakan sebuah sistem berasaskan web yang dibangunkan khusus bagi menyimpan rekod yang berkaitan dengan soalan-soalan peperiksaan akhir semester bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya. Kursus-kursus tersebut termasuklah kursus teras fakulti, kursus elektif fakulti, kursus wajib jabatan, kursus elektif jabatan dan lain-lain serta meliputi semua peringkat pengajian sama ada peringkat ijazah sarjana muda atau sarjana.

Rekod yang terdapat di dalam sistem ini disimpan secara berpusat dan dapat dicapai secara online berdasarkan had capaian yang ditentukan mengikut kategori pengguna sama ada pentadbir sistem, pensyarah atau pelajar. Setiap kategori pengguna ini mempunyai capaian yang berbeza ke atas sistem bagi menjamin keselamatan data dan keutuhan sistem.

1.2 RASIONAL SISTEM

Walaupun perkembangan teknologi komputer sama ada dari aspek perkakasan mahupun perisian berkembang pesat, namun pengaplikasiannya masih tidak menyeluruh. Ini kerana penyimpanan maklumat secara manual (menggunakan kaedah pemfailan) masih menjadi pilihan dan terus dikekalkan. Namun, tidak dinafikan penyimpanan maklumat secara manual dapat mempamerkan pengesahan maklumat tersebut tetapi kekangan-kekangan dalam menggunakan fail sebagai storan seperti:

- 1) Masa yang lebih lama diperlukan bagi mencari sesuatu maklumat. Sekiranya capaian maklumat menggunakan kaedah semakan fail maka masalah penggunaan masa yang berlebihan akan timbul berbanding capaian maklumat menggunakan bantuan komputer.
- 2) Kesukaran mencapai kembali maklumat yang disimpan. Penyimpanan maklumat dalam pangkalan data berkomputer memudahkan capaian kembali maklumat tersebut berbanding dengan capaian dari fail.
- 3) Penggunaan kertas yang berlebihan dapat dielakkan. Ini juga turut membantu dalam menjimatkan ruang storan.
- 4) Perlupusan maklumat secara tidak sengaja yang disebabkan oleh berbagai faktor seperti kertas yang usang, dimakan binatang seperti lipas dan sebagainya.
- 5) Permasalahan memasukkan data yang bertindan dapat dielakkan.
- 6) Proses pengemaskinian maklumat sukar dilakukan.

Berdasarkan kekangan-kekangan yang dinyatakan, maka wajarlah satu sistem yang dapat membantu menguruskan rekod bagi soalan-soalan peperiksaan dibangunkan bagi memudahkan semua pihak yang terbabit.

1.3 OBJEKTIF SISTEM

Bagi memastikan sistem ini mencapai matlamat, ianya dibangunkan berdasarkan kepada beberapa objektif utama iaitu :

- 1) Penyimpanan soalan-soalan peperiksaan yang lepas secara berpusat bagi memudahkan ianya dicapai bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja tanpa terikat kepada faktor geografi.
- 2) Memberikan maklumat yang dikehendaki oleh pengguna dengan tepat dan dan hasil yang boleh dipercayai.
- 3) Memudahkan dan menjimatkan masa pelajar bagi mendapatkan rujukan soalan-soalan peperiksaan yang lepas.
- 4) Sebagai sumber rujukan kepada pensyarah dalam menyediakan soalan-soalan peperiksaan terkini.
- 5) Sebagai sebuah sistem yang mesra pengguna.

1.3.1 Objektif Akademik

- 1) Menunjukkan keberkesanan penggunaan pangkalan data Oracle dan perisian Active Server Pages bagi merekabentuk sistem.
- 2) Mengaplikasikan konsep pengurusan projek dan masa yang berkesan dalam lingkungan dunia profesional.
- 3) Untuk menguji kemahiran dalam konsep perancangan projek, menilai serta pengujian sistem.

- 4) Bagi memupuk sifat bertanggungjawab serta mendedahkan pelajar kepada dunia pembangunan sistem yang sebenar

1.4 SKOP SISTEM

Skop pembangunan sistem ini ditumpukan kepada penyimpanan soalan-soalan peperiksaan sahaja dan tidak disertakan skema jawapan. Secara amnya, Sistem Test Bank ini merupakan sistem yang akan menjadi tempat rujukan utama kepada pelajar bagi mendapatkan soalan-soalan peperiksaan semester-semester sebelum.

Sistem ini mengandungi empat modul utama yang mana yang mana hanya pentadbir sistem (Administrator) sahaja yang mempunyai capaian penuh terhadap keempat-empat modul ini. Modul-modul tersebut adalah

- 1) Modul Soalan : modul ini mempunyai fungsi yang berkaitan dengan soalan seperti menambah soalan, carian soalan, kemaskini soalan dan hapus soalan.
- 2) Modul Pengguna : modul ini melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengguna sistem ini seperti tambah pengguna, tukar katalaluan, senarai pengguna dan hapus pengguna.
- 3) Modul Permintaan : permintaan soalan dari pengguna diuruskan dalam modul ini di mana pentadbir boleh melihat dan membalas permintaan soalan dari pengguna.
- 4) Modul Info : pada modul ini, pentadbir boleh menukar info yang dipaparkan pada penjuru atas sebelah kiri antaramuka sistem ini. Pilihan yang terdapat ialah menggantikan info sedia ada dengan info baru atau menambah info baru pada info sedia ada.

1.5 SASARAN PENGGUNA ANGUNAN SISTEM

Memandangkan sistem ini dibangunkan bagi kegunaan akademik Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, sasaran utama pengguna sistem ini adalah pensyarah dan pelajar fakulti ini sendiri. Ini adalah kerana kedua-dua pengguna ini terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

1.6 CIRI-CIRI SISTEM

1) Fasa Analisis dan Keperluan Sistem

Ciri-ciri sistem yang digariskan adalah seperti berikut:

- a. Kesyediaan (availability)
- b. Ramah pengguna (user friendly)
- c. Boleh percaya (reliable)
- d. Menekankan konsep interaktif.

1) Fasa Pelaksanaan (pengkodan)

2) Fasa Pengujian

3) Penyelenggaraan Sistem

Jadual 1.1 di sebelah menerangkan secara terperinci mengenai perancangan pembangunan sistem Test Bank.

1.7 PERANCANGAN PEMBANGUNAN SISTEM

Proses pembangunan sistem ini dibahagikan kepada dua peringkat :

- Proses pencarian maklumat.
- Menentukan keperluan sistem.
- Menyediakan diri dengan perisian yang bakal digunakan.

1) Peringkat Awal (semester 1)

2) Peringkat Akhir (semester 2)

Peringkat awal pembangunan bermula pada Jun 2001 sehingga pertengahan Ogos 2001. Peringkat ini terdiri daripada 2 fasa pembangunan iaitu :

- Merakabentuk pangkalan data.
 - Merakabentuk antaramuka.
 - Menjalajari Active Server Pages dan
- 1) Fasa Analisis dan Keperluan Sistem
- 2) Fasa Rekabentuk

Setelah selesai segala fasa pada peringkat awal, pembangunan sistem diteruskan ke peringkat akhir. Peringkat ini merupakan perlaksanaan sebenar sistem yang mana telah ditakrifkan pada peringkat awal. Fasa-fasa yang terlibat pada peringkat ini ialah:

- Memulai setup modul.
- Melakukan perubahan terhadap sistem sekiranya terdapat permasalahan.
- Menyediakan laporan projek.
- Menyediakan manual pengguna.

- 1) Fasa Perlaksanaan (pengkodan).
- 2) Fasa Pengujian
- 3) Penyelenggaraan Sistem.

Jadual 1.1 di sebelah menerangkan secara terperinci mengenai perancangan pembangunan sistem Test Bank.

Jadual 1.2 pula menunjukkan tempoh masa yang dirancang bagi melaksanakan setiap fasa dalam proses pembangunan sistem.

BIL	FASA	AKTIVITI
1	Analisis dan keperluan sistem	<ul style="list-style-type: none">• Menentukan objektif dan skop sistem.• Proses pencarian maklumat.• Menentukan keperluan sistem.• Menyediakan diri dengan perisian yang bakal digunakan.• Menyediakan perancangan projek.• Memilih dan menentukan model pembangunan sistem.
2	Rekabentuk sistem	<ul style="list-style-type: none">• Merekabentuk pangkalan data.• Merekabentuk antaramuka.
3	Pelaksanaan sistem (pengkodan)	<ul style="list-style-type: none">• Mempelajari Active Server Pages dan Oracle SQL Plus.• Melakukan pengkodan.
4	Pengujian dan penilaian sistem	<ul style="list-style-type: none">• Menguji modul-modul sistem.• Menilai setiap modul.
5	Penyelenggaraan sistem	<ul style="list-style-type: none">• Melakukan perubahan terhadap sistem sekiranya terdapat permasalahan.
6	Dokumentasi dan laporan	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan laporan projek.• Menyediakan manual pengguna.

Jadual 1.1 Aktiviti bagi setiap fasa pembangunan

Jadual 1.2 pula menunjukkan tempoh masa yang dirancang bagi melaksanakan setiap fasa dalam proses pembangunan sistem.

Fasa Pembangunan	Jun 2001	Julai 2001	Ogos 2001	Sept 2001	Okt 2001	Nov 2001	Dis 2001	Jan 2002	Feb 2002
Pemahaman tajuk, perbincangan, pemerhatian. (Peringkat Awal)	<div></div>								
Pencarian maklumat (buku, internet, majalah, individu). (Peringkat Awal)	<div></div>								
Mempelajari perisian yang bakal digunakan. (Peringkat Awal)		<div></div>							
Perancangan awal serta analisis. (Peringkat Awal)	<div></div>								
Laporan cadangan sistem. (Peringkat Awal)			<div></div>						
Rekabentuk sistem. (Peringkat Awal)					<div></div>				
Pelaksanaan sistem (pengkodan) (Peringkat Akhir)						<div></div>			
Pengujian dan penilaian sistem (Peringkat Akhir)							<div></div>		
Penyelenggaraan sistem (Peringkat Akhir)								<div></div>	
Dokumentasi (Peringkat Akhir)								<div></div>	

Jadual 1.2 Jadual Pembangunan Sistem

1.8 HASIL AKHIR YANG DIJANGKAKAN

Hasil penelitian terhadap proses pembangunan sistem ini, dijangkakan bahawa Sistem Test Bank akan memberikan hasil yang boleh membantu pihak fakulti menguruskan soalan-soalan peperiksaan akhir semester-semester sebelum serta memenuhi keperluan sebagai sebuah sistem yang interaktif. Selain itu, sistem ini juga mampu memenuhi kehendak pelajar yang berkehendakkan sebuah sistem yang lengkap yang mampu memberi apa yang mereka inginkan.

1.9 ORGANISASI BAB

Secara amnya, laporan ini terbahagi kepada 7 bab iaitu :

a) Bab 1 - Pengenalan Projek

Bab ini memberikan gambaran awal tentang Sistem Test Bank yang ingin dibangunkan. Ia menerangkan secara terperinci berkenaan dengan objektif sistem, skop sistem, sasaran pengguna serta perancangan pembangunan sistem.

b) Bab 2 - Kajian Perpustakaan

Dalam bab ini pula, perkara yang dibincangkan berkait secara langsung dengan gerak kerja awal dalam bab 1. Kaedah-kaedah pencarian serta mendefinisikan kehendak maklumat yang berkesan diaplikasikan dengan sebaik mungkin. Kajian ilmiah ini dilakukan agar hasil akhir laporan lebih mempamerkan keintelektualan suatu persembahan ilmu yang dilakukan dalam bentuk penulisan.

c) Bab 3 - Metodologi dan Analisis Sistem

Bab 3 pula akan menerangkan hasil analisis segala maklumat yang diperolehi serta keperluan-keperluan sistem. Perkakasan dan perisian yang bakal digunakan juga dinyatakan.

d) Bab 4 - Rekabentuk Sistem

Bab ini menerangkan tentang pembangun sistem menggunakan maklumat yang terkumpul untuk menyempurnakan rekabentuk logikal sistem. Ia mempamerkan penekanan terhadap model-model pembangunan sistem kerana ianya merupakan satu garis panduan dalam pembangunan sistem.

e) Bab 5 - Implementasi dan Pengaturcaraan

Bab 5 banyak menerangkan kaedah-kaedah implementasi yang digunakan dalam proses pembangunan sistem serta kaedah pengaturcaraan yang terbaik. Di samping itu, aturcara-aturcara penting juga turut disertakan.

f) Bab 6 - Pengujian dan Penilaian Sistem

Penerangan berkenaan kaedah-kaedah pengujian dari tahap pengujian unit dan modul serta integrasi sistem. Pengujian-pengujian ini penting bagi memastikan sistem boleh digunakan dengan baik tanpa sebarang masalah bagi menghasilkan sistem yang berkualiti.

g) Bab 7 - Masalah, Cadangan dan Kesimpulan

Membincangkan masalah, cadangan serta kesimpulan sepanjang proses membangunkan sistem. Cadangan-cadangan yang dilampirkan di harap mampu memperbaiki situasi serta persekitaran pembangunan sistem bagi pelajar-pelajar akan datang.

BAB 2

KAJIAN

PERPUSTAKAAN

2.2 KELEBIHAN MENGGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT

BAB 2 : KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1 PENDAHULUAN

Kajian perpustakaan merupakan prosedur penting untuk bagi memulakan proses pembangunan sistem. Fasa ini adalah kritikal pada kejayaan sesebuah sistem. Ini kerana dengan kajian, penyelidikan serta pemahaman yang mendalam terhadap definisi sistem tersebut bakal menghasilkan sebuah sistem yang sempurna.

Bab ini akan menerangkan serta menghuraikan penemuan dan hasil kajian yang telah dilakukan dalam proses pembangunan Sistem Test Bank (E-Fakulti). Secara amnya, segala penemuan itu lebih menjurus kepada definisi sistem itu sendiri serta faktor-faktor dan isu yang berkaitan dengan konsep sistem tersebut.

Kajian terhadap sistem-sistem yang berasaskan sistem pengurusan maklumat dilakukan bagi melihat corak persembahan antaramuka yang dirasakan sesuai untuk diterapkan dalam sistem yang bakal di dibangunkan. Selain itu, ciri-ciri yang terdapat dalam setiap sistem yang dikaji dianalisis bagi mendapatkan hasil yang sempurna

2.2 KELEBIHAN MENGGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT

Dewasa kini telah mempamerkan kesan lambakan maklumat yang berlaku daripada kecanggihan sistem telekomunikasi dan teknologi pengkomputeran. Penggunaan internet yang berleluasa merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepadanya. Secara tidak langsung, komputer menjadi wadah penting dalam merealisasikan keperluan serta kehendak masyarakat kini.

Kelebihan paling utama yang mendorong kepada penggunaan komputer secara meluas tidak kira samada dalam bidang pembelajaran, perniagaan dan lain-lain adalah seperti berikut :

1) Kepantasan

Keistimewaan komputer elektronik ialah kelajuan operasinya. Pengiraan keputusan yang dibuat mengambil masa yang sedikit iaitu hanya beberapa milisaat. Ini merupakan satu faktor yang adalah agak mustahil dapat dilakukan oleh seorang manusia. Secara tidak langsung, komputer mampu menjimatkan masa dan mempunyai had kepantasan dalam pemprosesannya.

2) Ketepatan

Komputer boleh mengendalikan data serta mampu menunggu bagi mengendalikannya mengikut situasi tertentu. Masalah-masalah pengiraan yang kompleks berkaitan pengiraan, analisis, aritmetik dan sebagainya boleh dilakukan dengan baik dan jawapan yang tepat.

3) Pengendalian Masalah Yang Kompleks

Sistem komputer mempunyai kepintaran buatan yang membolehkannya merancang dan menjalankan operasi dengan tepat tanpa ralat. Ini akan memberikan hasil kerja yang teliti dan memuaskan.

4) Capaian Maklumat

Komputer mempunyai suatu kebolehan dalam capaian kembali maklumat dengan segera dan pantas. Ia juga berupaya untuk menyimpan semua rekod lama dengan tiada capaian data yang berulang. Faktor ini membolehkan pelbagai capaian terhadap data yang diinginkan secara serentak atau berturutan.

2.3 DEFINISI SISTEM


2.3.1 Pengenalan Sistem Pengurusan Maklumat

Dalam buku tulisan Ralph M. Stair menyatakan data adalah fakta kasar¹. Secara amnya, data terbahagi kepada tiga jenis iaitu data imej, data audio dan data video. Manakala maklumat pula adalah fakta yang tersusun di mana terdapat penambahan nilai di sebalik nilai fakta tersebut².

1) ¹ Ralph M. Stair, (1996), Principle Of Information System-A Managerial Approach, Second Edition, International Publishing Company, halaman 5

2) ² Ibid


Menurut Ralph M. Stair juga, ciri-ciri maklumat yang baik adalah tepat, ekonomi, lengkap, fleksibel, berkaitan, boleh dipercayai, ringkas boleh disahkan dan terkini³. Nilai maklumat berhubung terus sebagaimana ia membantu pembuat keputusan mencapai matlamat organisasi.



Rajah 2.1 Proses perubahan data kepada maklumat

Sistem maklumat merupakan komponen yang saling berhubung antara masukan data, manipulasi dan keluaran maklumat, mekanisma proses, keluaran dan maklumbalas. Oleh itu, bolehlah dikatakan di sini bahawa sistem adalah komponen ditindakbalas untuk menjayakan matlamat. Ini kerana sebuah sistem mempunyai komponen-komponen yang dinyatakan seperti masukan data, mekanisme proses, keluaran maklumat dan maklumbalas. Komponen sistem maklumat adalah seperti di bawah :

3) ³ Ibid, halaman 7



Rajah 2.2 Komponen sistem maklumat

2.3.2 Sistem Maklumat Berasaskan Web

Perkembangan teknologi yang berasaskan web kian pesat. Ini menunjukkan kesediaan masyarakat untuk bersama-sama merealisasikan serta menerapkan penggunaan teknologi itu sendiri dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung ia menyokong pembangunan Sistem Test Bank yang juga menerapkan ciri-ciri berasaskan web.

Antara kebaikan sistem yang berasaskan web adalah kurang halangan capaian maklumat. Ini membolehkan capaian maklumat dilakukan dengan mudah di mana-mana sahaja diperlukan. Tambahan pula penggunaan komputer juga dapat mengurangkan penggunaan kertas dalam menyimpan maklumat dan ini juga adalah lebih selamat berbanding disimpan secara pemfailan.

Manakala keburukan sistem berasaskan web adalah mengimplementasi teknikal, latihan bagi pengguna sistem dan alatan serta pembantu teknikal yang mahal. Perang pelayar (browser) antara Microsoft dan Netscape adalah masalah yang berpotensi dalam menghasilkan Sistem Test Bank.

2.4 SINTESIS

Selaras dengan perkembangan teknologi, pembangunan sistem berkomputer banyak membantu dalam menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi terhadap kaedah manual (penggunaan kertas):

- 1) Penggunaan kertas menyebabkan berlakunya ruangan terhad dalam menyimpan rekod.
- 2) Capaian maklumat banyak menimbulkan masalah di samping menyebabkan penggunaan masa yang tidak efisien.
- 3) Kaedah manual yang digunakan menyukarkan pihak pengguna menyemak samada terdapat pertindihan data atau tidak.
- 4) Selain itu juga, ia menyukarkan pengguna bagi mengemaskini maklumat-maklumat tersebut.
- 5) Dari segi keselamatan, kaedah manual kurang tahap pengawalan keselamatannya kerana pengguna boleh mendapatkan segala maklumat tersebut jika tidak disimpan dengan rapi.

2.4.1.1 Pengenalalan Sistem Pakar

Sistem pakar adalah simulasi pertimbangan dan tindakan manusia atau organisasi tertentu yang mengetahui kepakaran pakar dan pengalaman dalam suatu bidang. Sistem ini dikatakan mempunyai pangkalan pengetahuan di mana hasil daripada pengalaman dan satu set peraturan untuk diaplikasikan kepada setiap situasi tertentu yang digambarkan dalam program.

2.5 ISU-ISU YANG BERKAITAN DENGAN SISTEM MAKLUMAT

2.5.1 Kepintaran Buatan Dan Sistem Pakar

2.5.1.1 Pengenalan Kepintaran Buatan

Kepintaran buatan merupakan simulasi mesin ke atas proses kepintaran manusia terutamanya sistem komputer. Ini termasuklah pembelajaran, pemerolehan maklumat dan peraturan menggunakan maklumat. Oleh itu, ia memberikan sebab (reasoning) menggunakan peraturan bagi mencapai kesimpulan paling tepat atau lebih dikenali sebagai tempat dan pembetulan sendiri (self-correction).

Aplikasi yang sering digunakan dalam bidang ini adalah sistem pakar, pengecam suara dan pengecam imej. Kepintaran buatan juga berjaya menghasilkan bahasa perkomputeran tahap tinggi, antaramuka komputer dan pemprosesan-pemprosesan perkataan.

2.5.1.2 Pengenalan Sistem Pakar

Sistem pakar adalah simulasi pertimbangan dan kelakuan manusia atau organisasi tertentu yang mengetahui kepakaran pakar dan pengalaman dalam suatu bidang. Sistem ini dikatakan mempunyai pangkalan pengetahuan di mana hasil daripada pengalaman dan satu set peraturan untuk diaplikasikan kepada setiap situasi tertentu yang digambarkan dalam program.

2.6 KAJIAN TEORI Ciri-ciri yang terdapat dalam aplikasi sistem pakar adalah berbeza berbanding aplikasi yang lain. Pertama, pertanyaan pengguna secara berjujukan adalah bergantung kepada kemasukan data pada masa nyata. Keduaanya, segala perubahan dalam pertanyaan berjujukan adalah perubahan data rutin yang kompleks. Contoh sistem pakar yang popular ialah permainan catur komputer dan pembantu diagnos perubatan.

2.5.2 Konsep Interaktif

Interaktif didefinisikan sebagai saling bertindakbalas antara satu sama lain atau lebih dikenali sebagai proses dua hala. ‘ Dictionary Of Computing ‘ menyatakan interaktif adalah gambaran yang dibuat bagi sebuah sistem atau mod kerja di mana terdapat tindak balas terhadap arahan-arahan yang diberikan. Arahan tersebut samada melalui papan kekunci atau pen cahaya. Kesannya pula adalah pantas dan tepat.

Sistem interaktif membenarkan pengguna sistem berinteraksi secara terus dengan komponen pemprosesan sistem dan aplikasi yang digunakan.

2.6 KAJIAN TERHADAP BEBERAPA SISTEM MAKLUMAT

1) Sistem Taksiran : Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

Sistem ini berfungsi untuk menguruskan maklumat yang berkaitan dengan kerja-kerja penilaian cukai di negeri Terengganu. Ia dibangunkan menggunakan Oracle Developer dan SQL Plus.

2) Laman web Negeri Terengganu (www.terengganu.gov.my)

Laman web ini dibangunkan untuk memperihalkan negeri Terengganu. Pembangunan web ini menggunakan pangkalan data Oracle dan SQL Plus sepenuhnya.

2.7 RUMUSAN

Sistem yang bakal dibangunkan ini akan menitikberatkan konsep-konsep yang telah dibincangkan. Walaupun pada asasnya sistem ini berdasarkan kepada pengurusan maklumat namun bahasa komunikasi juga sering dititikberatkan dalam pembangunan antaramuka sistem. Lazimnya, ia berfungsi agar pengguna dapat berinteraksi dengan sistem secara interaktif.

Ia juga berkebolehan dalam memproses maklumat dan pengetahuan serta dapat menjimatkan masa pengguna samada dari segi capaian kembali maklumat, kemaskini maklumat dan sebagainya.

METODOLOGI
DAN
ANALISIS SISTEM

BAB 3

METODOLOGI

DAN

ANALISIS SISTEM

3.2 METODOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM

BAB 3 : METODOLOGI DAN ANALISIS SISTEM

pembangunan suatu sistem. Ia juga dikenali sebagai kitar hayat sistem di mana suatu set kaedah yang bermula dengan set keperluan pengguna dan menghasilkan sebuah sistem yang memenuhi kesemua keperluan yang dijangkakan.

3.1 PENDAHULUAN

Oleh yang demikian, metodologi yang dipilih adalah berdasarkan Model Air Terjun.

Setelah proses penyelidikan, pencarian maklumat serta menganalisis maklumat dilakukan, maka proses seterusnya iaitu mengkaji keperluan sistem sebenar. Proses akan lebih mudah dilaksanakan sekiranya maklumat yang diperolehi adalah tepat dan memenuhi keperluan bagi membangunkan sistem. Secara tidak langsung, proses pembangunan sistem berjalan lancar dan ia akan menjimatkan masa.

1) Model ini popular serta ramai pembangun sistem menggunakan model

Di samping itu juga, pendekatan-pendekatan yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini diketengahkan bagi memperlengkap keperluan sistem serta keperluan dan spesifikasi sistem untuk pembangunan Test Bank.

3) Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau kesalahan pembangun boleh kembali ke fasa sebelumnya tanpa menjejaskan pembangunan sistem

4) Tambahan pula, model ini jelas dan mudah difahami


5) Pembangun juga boleh menandakan secara kasar tempoh yang diperlukan bagi menyiapkan setiap fasa dan seterusnya jangka waktu untuk menyempurnakan keseluruhan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

3.2 METODOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM

Metodologi pembangunan sistem diperlukan sebagai garis panduan dalam pembangunan suatu sistem. Ia juga dikenali sebagai kitar hayat sistem di mana suatu set kaedah yang bermula dengan set keperluan pengguna dan menghasilkan sebuah sistem yang memenuhi kesemua keperluan yang dijangkakan.

Oleh yang demikian, metodologi yang dipilih adalah berasaskan Model Air Terjun yang digabungkan dengan prinsip permodelan prototaip. Pengaplikasian model prototaip dalam model air terjun ini juga adalah untuk memperkenalkan mekanisme jaminan kualiti dalam proses pembangunan sebagai jaminan bahawa tiada penyimpangan daripada keperluan yang sepatutnya. Antara ciri-ciri yang mendorong dalam pemilihan model ini ialah :

- 1) Model ini popular serta ramai pembangun sistem menggunakan model ini.
- 2) Model ini berjujukan dan menunjukkan pemindahan data dari suatu fasa ke fasa berikutnya
- 3) Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau kesilapan pembangun boleh kembali ke fasa sebelumnya tanpa menjejaskan pembangunan sistem
- 4) Tambahan pula, model ini jelas dan mudah difahami
- 5) Pembangun juga boleh menentukan secara kasar tempoh yang diperlukan bagi menyiapkan setiap fasa dan seterusnya jangka waktu untuk menyempurnakan keseluruhan projek dalam tempoh yang ditetapkan.



Rajah 3.1 Model Air Terjun dengan Prototaip

3.2.1 Kelebihan Dan Kekurangan Metodologi Yang Dipilih

Walaupun pemilihan metodologi ini merupakan satu garis panduan dalam membangunkan sistem, namun ia masih terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan. Antara **kelebihan-kelebihan** model ini adalah :

- 1) Penentuan bagi penyelesaian sistem adalah mungkin dengan menggunakan model seperti ini
- 2) Model ini juga merupakan sebahagian daripada fasa dokumentasi atau laporan yang menerangkan apa yang telah dicapai dalam fasa tersebut dan menggariskan satu rancangan untuk fasa seterusnya.
- 3) Penggunaan prototaip dapat mengurangkan risiko ketidakpastian kerana sebarang masalah dapat dikesan terlebih dahulu sebelum sistem siap sepenuhnya.
- 4) Jujukan kerja adalah di mana setiap fasa terdapatnya tugas dan struktur tugas yang perlu diselesaikan sebelum memulakan fasa yang baru
- 5) Keupayaan proses analisis dan model rekabentuk untuk diaplikasikan secara terus dalam proses implementasi. Ini disebabkan peranan yang dimainkan oleh prototaip pada fasa-fasa tertentu dalam pembangunan sistem ini.

Manakala **kelemahan-kelemahan** metodologi ini pula ialah :

- 1) Rekabentuk proses berubah selalu memandangkan terdapatnya prototaip dalam fasa-fasa tertentu yang menyebabkan berlaku pertukaran rekabentuk sekiranya masalah dikesan

2) Model ini tidak menggambarkan cara kod dibangunkan dalam fasa implemtasi yang memungkinkan penyimpangan daripada keperluan sistem yang sewajarnya.

3) Pembangunan perlu dibangunkan secara berperingkat, di mana setiap fasa perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum memulakan fasa yang baru. Maka proses pembangunan sistem tidak boleh dijalankan secara serentak.

3.2.2 Fasa Dalam Analisis Sistem

Analisis sistem merupakan suatu kaedah bagi mendapatkan maklumat untuk memenuhi keperluan serta spesifikasi dalam membangunkan sistem. Pengetahuan tentang kelakuan pengguna akhir sistem terlebih dahulu sebelum dikomputerisasikan menyumbang kepada sebuah perancangan yang berkesan untuk proses latihan dan implementasi.

Fasa yang terlibat dalam analisis sistem melibatkan ruang lingkup berikut :

- 1) Teknik-teknik analisis dan pencarian fakta.
- 2) Menganalisis keperluan sistem.
- 3) Kajian keperluan perisian serta perkakasan.
- 4) Keperluan spesifikasi.

3.3 SENARIO SEMASA DAN PENCARIAN FAKTA

Pada kebiasaannya, pelajar akan mula sibuk untuk mengulangkaji pelajaran di samping mencari soalan-soalan peperiksaan yang telah lepas menjelang musim peperiksaan. Apa yang berlaku ketika ini adalah kesukaran pelajar untuk mencari soalan-soalan tersebut kerana tidak tahu di mana hendak mendapatkannya. Bagi pelajar yang biasa mengunjungi perpustakaan Universiti Malaya, tentu mereka sedar bahawa pihak perpustakaan ada membuat jilid bagi soalan-soalan peperiksaan bagi setiap fakulti berdasarkan sesi akademik.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di perpustakaan tersebut, bagi Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, kertas-kertas soalan peperiksaan itu telah dijilid tanpa mengira sama ada peringkat ijazah sarjana muda atau sarjana. Sekiranya seseorang pelajar ingin melihat soalan-soalan peperiksaan bagi sesuatu kursus bagi lima tahun terakhir, dia terpaksa membuka lima jilid buku soalan dan terpaksa mencarinya pula untuk setiap semester. Ini memerlukan kecekapan dan masa yang lama bagi mencari soalan tersebut.

Selain itu, bagi pensyarah yang ingin membuat soalan peperiksaan pula, beliau tidak tahu pola soalan bagi sesuatu tajuk sama ada kerap disoal di dalam peperiksaan atau tidak. Oleh yang demikian, satu sistem yang sistematik dan boleh dipercayai diperlukan untuk menyimpan soalan-soalan peperiksaan yang lepas agar dapat memudahkan para pelajar dan pensyarah di fakulti ini.

3.4 TEKNIK ANALISIS DAN PENCARIAN FAKTA

Beberapa teknik dalam menganalisis serta pencarian fakta dilakukan sebagai sokongan kepada sistem yang ingin dibangunkan. Tambahan pula, pencarian fakta yang lengkap dapat menghasilkan sebuah sistem yang berkualiti. Berikut disenaraikan kaedah-kaedah analisis dan teknik pencarian fakta bagi menyiapkan Sistem Test Bank ini.

- Temuramah
- Perbincangan dengan penyelarar

3.4.1 Temuramah

Kaedah ini dipraktikkan dengan memilih secara rawak 40 orang pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya. Sepanjang temuramah berlangsung, pelajar-pelajar ini dikemukakan dengan beberapa soalan yang berkaitan dengan sistem yang akan dibangunkan. Hampir kesemua mereka menyatakan kesukaran bagi mereka untuk mendapatkan soalan-soalan peperiksaan bagi kursus-kursus yang diambil bagi mengulangkaji pelajaran mereka terutamanya menjelang musim peperiksaan. Ini adalah kerana mereka tidak tahu di mana untuk mendapatkan soalan-soalan tersebut selain tidak menyedari bahawa pihak perpustakaan Universiti Malaya ada menjilid soalan-soalan peperiksaan mengikut fakulti bagi setiap sesi akademik.

Selain itu, mereka turut mengatakan adalah lebih baik agar soalan-soalan tersebut dapat dicapai melalui internet memandangkan ledakan teknologi maklumat yang pesat ketika ini di mana segalanya boleh diperolehi

3.5 di hujung jari tanpa sempadan dan batasan. Apa gunanya teknologi jika tidak digunakan untuk mendatangkan manfaat semaksimum mungkin.

Daripada keputusan analisis yang diperolehi, maka dapat disimpulkan betapa perbanya satu sistem yang dapat menyimpan soalan-soalan peperiksaan akhir semester.

3.4.2 Perbincangan dengan Penyelaras

3.6 Beberapa siri pertemuan dengan penyelaras telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat agar sistem yang akan dibangunkan menepati sebagaimana yang dikehendaki. Melalui cara ini juga, beberapa masalah yang timbul telah dibincangkan bagi mencari jalan penyelesaian. Beliau telah memberikan pendapat dan cadangan yang bernas bagi memantapkan lagi sistem yang akan dibangunkan terutamanya dari segi rekabentuk sistem.

Keperluan adalah suatu ciri sistem atau perisian tentang sesuatu yang boleh dilakukan oleh sistem bagi memenuhi tujuan sistem tersebut. Biasanya keperluan dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- 1) Keperluan yang perlu dipenuhi dan dicapai secara mutlak.
- 2) Keperluan yang boleh diadakan tetapi tidak diperlukan.
- 3) Keperluan yang mungkin diperlukan tetapi boleh diadakan jika tidak berkenaan.

Proses ini amat penting kerana ia membolehkan struktur kandungan pembangunan yang lebih dinamik dengan kewujudan ciri-ciri interaktif. Menurut Ian Sommerville, keperluan boleh dibahagikan kepada bentuk fungsian dan bukan fungsian.

3.5 ULASAN ANALISIS

Daripada keputusan analisis yang diperolehi, maka dapat disimpulkan betapa perlunya satu sistem yang dapat menyimpan soalan-soalan peperiksaan akhir semester bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Ini bagi memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah dalam melaksanakan rutin harian mereka.

3.6 ANALISIS KEPERLUAN SISTEM

3.6.1 Definisi

